

07 APR 1997

PRESIDEN TATARSTAN TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Presiden Tatarstan Mintimer Shaimiev tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari bertujuan meningkatkan hubungan perdagangan, kebudayaan dan ekonomi dengan Malaysia.

Shaimiev diiringi Timbalan Perdana Menteri Ravil Muratov, Menteri Perhubungan Ekonomi Luar Rashid Akhounov, Menteri Ekonomi Damir Bikbov dan tokoh-tokoh perniagaan.

Tatarstan ialah sebahagian daripada Persekutuan Rusia.

Menurut kenyataan Kedutaan Rusia hari ini, Shaimiev telah mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara dan dijangka mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kemudian.

Dr Mahathir, kini berada di Bahrain untuk lawatan rasmi tiga hari, dijadual pulang ke tanah air pada Khamis.

Lawatan Shaimiev dibuat sebagai membalas lawatan Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar yang mengetuai rombongan ahli perniagaan Malaysia ke ibu negara Tatarstan, Kazan pada Oktober tahun lepas.

Delegasi Tatarstan itu akan mengadakan perbincangan dengan masyarakat perniagaan Malaysia dan melawat Mida, Ikim, Petronas dan Bursa Saham Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MAM AHH